



www.mbjb.gov.my

Edisi Khas 2017

Lensa

Bandaraya JB



Sambutan Ulang Tahun **HARI KEPUTERAAN RASMI DYMM SULTAN JOHOR 2017**



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi

MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU



KANDUNGAN

3

m/s

PENGENALAN

4-5

m/s

PRELUDE FESTIVAL
HARI KEPUTERAAN
RASMI DYMM SULTAN
JOHOR 2017

6-7

m/s

ISTIADAT
MELETAK KERJA

8

m/s

MAJLIS JAMUAN
TEH BERSAMA
RAKYAT (HI-TEA)

9

m/s

PERASMIAN
GALERI JUALAN
CENDERAMATA

10-11

m/s

PROGRAM MBBJ
SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN HARI
KEPUTERAAN RASMI
DYMM SULTAN JOHOR
2017

12-13

m/s

KARNIVAL
AMAN JOHOR

14-15

m/s

INTERNATIONAL
CAT CARNIVAL

16-17

m/s

KEJOHANAN
CATUR

18-19

m/s

URBAN NIGHT RIDE

20-21

m/s

FUN RUN

22-23

m/s

CREATIVE MUSIC
CHALLENGE

24

m/s

TREASURE HUNT
2.0

25

m/s

INTERNATIONAL
KOMPANG FEST

26-27

m/s

BINTANG
BANDARAYA

PENAUNG

Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Sidek bin Paiman
(Setiausaha)
Ir. Hajah Nazatul Shima
binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina binti Abdul Malek

AHLI-AHLI

Cik Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina Shaari
Encik Mohamad Rashid bin Selamat
Puan Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Encik Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Korporat dan Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan
Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

BULETIN MBBJ diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda.

السلام عليكم

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Muafakat Johor, Salam 1Bandaraya.

Syukur Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, naskah berjudul 'Buletin Khas Sempena Sambutan Ulang Tahun Rasmi Keputeraan DYMM Sultan Johor 2017' ini berjaya diterbitkan.

Tujuan penerbitan naskah ini adalah sebagai tanda kenangan dan penghargaan pihak Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJB) kepada DYMM Sutan Johor selain menjadi medium untuk berkongsi maklumat aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pihak MBJB semasa menyambut Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor 2017.

Naskah ini memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru semasa Hari Keputeraan tersebut. Segala maklumat ini diadun dan ditulis berkonsepkan bacaan ringan, namun memaparkan aspek penting yang berlaku sepanjang sambutan Hari Keputeraan dijalankan.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak MBJB juga adalah satu simbolik keraian yang menunjukkan penghargaan dan taat setia kepada Sultan yang memerintah negeri Johor. Selain turut melibatkan warga bandar raya johor baharu.

Besarliah harapan saya, agar usaha yang telah dilakukan ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang dengan kepelbagaian informasi terkini dan menarik dalam menyambut Hari Kebesaran DYMM Sultan Johor ini.

Semoga naskah ini memberikan manfaat kepada kita semua. Selamat membaca.

PERUTUSAN

Datuk Bandar



(Handwritten signature)

Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin
Datuk Bandar Johor Bahru

Pengenalan

Sambutan Hari Kemahkotaan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah diadakan pada 23 Mac 2015 dan telah ditetapkan sebagai cuti kelepasan am / cuti umum bermula pada tahun tersebut bagi negeri Johor.

Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor ialah pada 22 November yang pada asalnya ditetapkan sebagai cuti kelepasan am / cuti umum di Malaysia. Namun, bermula tahun 2016, tarikh tersebut telah dimansuhkan sebagai cuti umum dan tarikh Hari Kemahkotaan DYMM Sultan Johor, iaitu pada 23 Mac diisytihar sebagai hari kelepasan am / cuti umum di Malaysia pada setiap tahun. Ia juga sebagai simbolik meraikan Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor.



Bermula tahun 2016, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil inisiatif menganjurkan Festival Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor bagi meraikan hari keputeraan baginda Sultan Johor di samping menampilkan pelbagai acara dan aktiviti menarik untuk orang ramai.

Bagi meraikan ulang tahun keputeraan baginda pada 2017, MBBJ memulakan sambutan tersebut dengan mengadakan Perasmian Prelude Festival Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor 2017 yang telah diadakan pada 28 Februari 2017 bertempat di Padang B, Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru. Prelude Festival Keputeraan ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya Konsert Pentas



PRELUDE FESTIVAL HARI KEPUTERAAN RASMI DYMM SULTAN JOHOR



Best FM, Park Maya Fest, Johor Bahru International Nite Kite, Himpunan Kelab Kereta Johor 2017 'JB Menjerit', Persembahan Busking, Pertandingan Masakan, Pertandingan Mewarna, Pertunjukan Fesyen, Malam Penghayatan Islam, Cabutan Bertuah, Himpunan Motosikal dan Kereta Klasik, Senamrobik serta Zumba dan Pertandingan Karaoke Terbuka. Program - program ini berlangsung selama seminggu bermula 28 Februari 2017 hingga 5 Mac 2017.



JOHOR BAHRU, 20 Mac 2017

Istiadat Meletak Kerja di Istana Besar Johor Bahru menjadi acara unik sebagai simbolik menjelangnya sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Istiadat ini dilihat sebagai salah satu upacara yang istimewa dan unik dalam Kesultanan Johor dan tidak terdapat di negeri lain. Upacara ini kali terakhir diadakan pada 1922 bagi meraikan perkahwinan salah seorang kerabat diraja Johor.

Istiadat dimulakan dengan perarakan membawa masuk bendera letak kerja Askar Timbalan Setia Negeri Johor. Datuk Penghulu Istiadat, Dato' Abdul Latif bin Yusof membacakan perisytiharan bahawa bendera berkenaan akan dikibar bermula pada hari istiadat dilaksanakan iaitu pada 20 Mac 2017 dan diturunkan pada 11 April 2017 selepas selesainya sambutan hari kebesaran itu.



Sejurus doa dibacakan oleh Mufi Negeri Johor, Sahibus Samahah, Dato' Hj. M. Tahir bin Dato' Kiyai Hj. Samsudin, bendera dinaikkan perlahan-lahan dengan fiupan serunai berserta tembakan tujuh (7) das meriam. Istiadat itu disaksikan oleh Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Dato' Abdul Rahim bin Ramli.

ISTIADAT **MELETAK KERJA**





Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat

JOHOR BAHRU, 23 Mac 2017

Sebagaimana tahun sebelumnya, sambutan Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor dimulakan dengan Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar bersama Permaisuri Johor, DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah dan anakanda baginda berkenan mencemar duli untuk bersama rakyat menikmati pelbagai hidangan juadah menarik sempena meraikan ulang tahun keputeraan rasmi baginda.

Pada hari yang sama juga, baginda telah merasmikan Galeri Jualan Cenderamata MJB yang menjual pelbagai koleksi cenderamata bagi memperingati Hari Kemahkotaan DYMM Sultan Johor yang telah berlangsung pada 23 Mac 2015. Galeri Jualan Cenderamata tersebut beroperasi bermula pada 23 Mac 2017 hingga 26 Mac 2017 dan pada 31 Mac 2017 hingga 2 April 2017.

Turut hadir meramaikan majlis ialah YB Dato' Haji Abdul Rahim bin Ramli, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor dan YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor, pembesar dan pegawai - pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan. Kerabat diraja yang turut hadir ialah anakanda baginda Sultan Johor, YAM Tunku Abu Bakar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Putera Johor, YAM Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor, YAM Tunku Aminah binti Sultan Ibrahim, YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor, YAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan YM Che' Puan Khaleeda binti Bustamam.

Majlis dimulakan dengan keberangkatan tiba dif jemputan, nyanyian lagu bangsa Johor, bacaan doa, acara memotong kek, diikuti majlis santapan dan persembahan kebudayaan dan nyanyian oleh artis jemputan. Pengunjung yang hadir berpeluang untuk membeli cenderamata tersebut sebagai kenang-kenangan di samping dijadikan sebagai antara koleksi berharga yang perlu dimiliki. Antara koleksi cenderamata yang dijual adalah jam tangan, jam meja, potret keluarga diraja Sultan Johor, buku nota, *keychain*, *pendrive*, *mug*, *apron* dan banyak lagi MJB turut menyediakan 'photobooth' percuma bagi merakamkan foto kenang - kenangan sempena majlis tersebut.



PERASMIAN GALERI JUALAN CENDERAMATA





MBJB RAI SAMBUTAN ULANG TAHUN

HARI KEPUTERAAN RASMI DYMM SULTAN JOHOR 2017

Majlis Bandaraya Johor Bahru turut tidak ketinggalan menganjurkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang bulan keputeraan rasmi DYMM Sultan Johor pada 2017 ini. Pelbagai program telah dirangka untuk warga bandaraya Johor Bahru bagi bersama-sama memeriahkan sambutan ulang tahun hari keputeraan rasmi ini. Bermula pada 23 Mac 2017 sehingga 2 April, MBBJ telah menyusun pelbagai program dan aktiviti menarik sebagai pengisian sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor bagi edisi 2017.

Menariknya, aturan acara ini mendapat sambutan pelbagai pihak dengan harapan supaya program ini akan berterusan untuk generasi baharu bagi memperingati Hari Keputeraan Rasmi Sultan Yang Dipertuan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, iaitu DYMM

ANTARA PROGRAM ANJURAN MBJB DENGAN KERJASAMA AGENSI TERLIBAT

- KARNIVAL AMAN JOHOR
- INTERNATIONAL CAT CARNIVAL
- KEJOHANAN CATUR
- URBAN NITE RIDE
- FUN RUN
- CREATIVE MUSIC CHALLENGE
- TRASURE HUNT 2.0
- INTERNATIONAL KOMPANG FEST
- BINTANG BANDARAYA





KARNIVAL AMAN JOHOR

“Hargai Keamanan, Cintai Perpaduan”

25 MAC 2017 – Program ini bertemakan ‘Hargai Keamanan, Cintai Perpaduan’ yang dianjurkan bagi membentuk dan memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum, agama dan keturunan di negeri ini, di samping menjalinkan keharmonian dan permuafakatan orang ramai menerusi aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Program ini mendapat sambutan ramai dengan kehadiran lebih 500 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil NGO dari dalam dan luar negara, pelajar-pelajar kolej serta sekolah menengah dan ramai lagi. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan di karnival tersebut, antaranya sesi berjalan secara harmoni (Johor Peace Walk), iaitu aktiviti berjalan beramai-ramai sambil mengibarkan bendera Johor dan bendera keamanan, yang turut disertai oleh YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibnu Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor diiringi oleh Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin, Datuk Bandar Johor Bahru dan dif-dif jemputan.

Aktiviti tersebut juga disambut dengan paluan kompang, gendang cina, tarian singa dan gendang India yang membentuk permuafakatan bangsa di negeri ini. Selain itu, program J-Robik, senaman yoga ketawa (laughter yoga) dan pemeriksaan kesihatan dan derma darah oleh KPJ Johor Specialist hospital turut diadakan.

Tunku Temenggong Johor juga berkenan menyempurnakan gimik pelancaran karnival ini dengan membebaskan sebanyak 58 ekor burung merpati dari sangkar sebagai simbolik keamanan.





KARNIVAL KUCING ANTARABANGSA

25 – 26 Mac 2017 - Karnival ini berlangsung selama dua hari dengan mempamerkan pelbagai jenis kucing dari kelompok dan baka istimewa yang terdiri daripada kucing Parsi, *Oriental*, *Siam*, *Main Coon*, *Cornish Rex*, *American Short Hair*, Birman, Abyssinian dan lain-lain. Selain itu, penggemar kucing juga diberi tunjuk ajar tentang penjagaan kucing yang sebenar.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan antaranya pertunjukan kucing antarabangsa, jualan makanan kucing, barang keperluan serta mainan kucing, penerangan tentang penjagaan kucing, cara 'cat grooming' dengan betul, mengenali masalah kesihatan dan pemakanan kucing, pengambilan kucing angkat dari *Stray Cats Homes*, pertandingan lukisan batik canting, melukis dan mewarna poster kucing, pertandingan menghias kek gambar kucing, pertandingan pakaian beragam kucing dan pertandingan hiasan sangkar kucing.

Pada hari terakhir, karnival ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YM Che' Puan Khaleeda binti Bustamam yang turut berkenan untuk menyaksikan sendiri aktiviti mencanting batik gambar kucing yang dikelolakan oleh Batik Canting Johor, aktiviti menghias kek gambar-gambar kucing, aktiviti jualan kraf tangan dan lukisan hasil kerja para pelajar sekolah menengah sekitar Johor Bahru dan juga menyaksikan pameran kucing dari pelbagai baka istimewa, sambil diiringi oleh Datuk Bandar Johor Bahru.





KEJOHANAN CATUR

31 MAC – 1 APRIL 2017 – Kejohanan Catur ini merupakan acara tahunan dengan sambutan penyertaan yang sangat menggalakkan. Seramai 240 orang pemain catur menyertai kejohanan ini melalui tiga kategori iaitu kategori terbuka, kategori bawah 18 tahun dan kategori bawah 12 tahun di samping kategori khas yang diadakan. Penyertaan bagi kejohanan ini juga telah disertai oleh wakil pelajar dari sekolah-sekolah di daerah Johor Bahru, Pasir Gudang, Kota Tinggi, Kuala Lumpur, Selangor dan Segamat.

Penganjuran program ini bertujuan menyediakan platform kepada komuniti untuk bersaing secara sihat di samping merapatkan hubungan antara masyarakat dengan pihak penganjur. Selain itu, kejohanan ini menjadi tonggak promosi dengan galakan penyertaan aktiviti yang berfaedah kepada warga bandar raya khasnya sempena menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor.

Hadiah keseluruhan berupa wang tunai sehingga RM 7,000 berserta piala iringan, trofi dan sijil menanti pemenang bagi setiap kategori. Kejohanan ini juga menawarkan hadiah kepada peserta sehingga tempat ke-20 bagi kategori terbuka, kategori bawah 18 tahun dan kategori bawah 12 tahun.



URBAN NIGHT RIDE



31 MAC 2017 – Program Urban Night Ride (kayuhan malam di bandar) ini berjaya menarik lebih kurang 400 peserta berbasikal dari pelbagai daerah. Konvoi berbasikal ini diketuai sendiri oleh Datuk Bandar Johor Bahru, serta Ahli Majlis Zon Kangkar Daya selaku penaung dalam aktiviti berbasikal MBJB dan juga ketua-ketua jabatan MBJB.

Terdahulu, konvoi itu dilepaskan oleh Setiausaha MBJB tepat jam 8.25 malam di Dataran Bandaraya Johor Bahru dengan diiringi oleh polis trafik dan unit peronda Jabatan Penguatkuasaan MBJB.





Tepat sebagaimana objektif penganjurannya, konvoi berbasikal ini berkayuh menuju ke pusat bandar Johor Bahru melalui beberapa tempat menarik seperti Masjid Sultan Abu Bakar, Istana Besar, 'sky screen' di Jalan Ibrahim, Bazar JB, Sungai Segget serta melalui sebahagian Persiaran Muafakat Bangsa Johor seperti Kuil Sri Raja Mariamman, Johor Old Ancient Chinese Temple (Tokong Cina Kuno), Gurdwara Sahib dan Masjid India Dato' Ahmad Awang.

Selepas hentian pertama, konvoi meneruskan kayuhan menuju ke Danga Bay sebelum menuju ke Laman Mahkota Istana untuk sesi bergambar kenangan bersama Datuk Bandar Johor Bahru.

Majlis berakhir dengan acara cabutan nombor bertuah yang disampaikan oleh Tn. Hj. Farizal bin Ismail, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai dan En. Fahmy Yahya, Setiausaha Persatuan Bola Sepak Johor.



FUN RUN

1 APRIL 2017 – Acara Fun Run melibatkan penyertaan warga bandar raya Johor Bahru dengan jumlah penyertaan seramai 1,000 orang dalam dua kategori penyertaan. Program ini terbuka kepada dua kategori penyertaan iaitu kategori larian sepanjang 10 km yang terbuka kepada lelaki dan wanita berumur 12 tahun ke atas, dan juga kategori Fun Run (Tema Bebas) yang terbuka kepada individu atau berpasangan lelaki dan wanita dan berumur 12 tahun ke atas. 500 peserta terawal yang mendaftar berpeluang mendapat t-shirt secara percuma.

Penganjuran program ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga bandar raya Johor Bahru di samping memenuhi pengisian aktiviti sempena meraikan ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor.

Program ini dirasmikan oleh Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin, Datuk Bandar Johor Bahru. Hadiah yang ditawarkan kepada peserta berupa wang tunai, medal dan sijil penyertaan





CREATIVE MUSIC CHALLENGE

1 APRIL 2017 - Pertandingan mencari bakat muzik secara berkumpulan ini merupakan acara berbentuk saringan dan terbuka kepada kumpulan muzik yang mempunyai bakat dalam bermain alat muzik.

Terdahulu, pertandingan ini telah diadakan pada 4 dan 5 Mac 2017 ketika Prelude Festival Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor bertempat di Padang B, Angsana Johor Bahru Mall bagi saringan peringkat pertama dan kedua.

Sebanyak lapan kumpulan dengan lebih kurang tiga hingga lapan orang ahli di dalamnya menyertai pertandingan muzik kreatif ini. Kumpulan muzik yang berjaya ke peringkat akhir Creative Music Challenge kemudiannya berentap untuk merebut gelaran juara dengan tawaran hadiah utama sebanyak RM 3,000 berserta hamper dan sijil.

Program ini bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang muzik yang akan bersaing secara sihat di samping memartabatkan seni muzik Johor dengan meletakkannya sebagai syarat utama dalam pertandingan ini.

Naib juara pula membawa pulang wang tunai RM 2,000 berserta hamper dan sijil dan tempat ketiga sebanyak RM1,000 berserta hamper dan sijil. Turut diadakan kategori persembahan terbaik yang akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 700 berserta hamper dan sijil dan saguhati tempat keempat hingga kelapan sebanyak RM 300 berserta hamper dan sijil.







TREASURE HUNT 2.0

Jejak Warisan Tanjung Puteri



2 APRIL 2017 - Treasure Hunt - Jejak Warisan Tanjung Puteri telah mencapai tahun kedua penganjurannya berikutan sambutan menggalakkan yang diterima daripada peserta pada tahun sebelumnya. Program ini terbuka kepada individu berusia 16 hingga 60 tahun. Peserta perlu mendaftar secara berkumpulan iaitu tiga hingga empat orang dengan bayaran berjumlah RM100 setiap kumpulan bagi memperoleh t-shirt, piala, hadiah dan sijil penghargaan.

Program ini berbentuk pencarian harta karun yang memerlukan para peserta bekerjasama untuk mendapatkan 'clue' atau kata kunci untuk mara sehingga ke garisan penamat (last check point) dengan jangka masa yang paling singkat. Acara pelepasan peserta dari *check point* pertama dilakukan oleh Setiausaha MBJB, En. Sidek bin Paiman.

Penganjuran program ini diharapkan dapat memperkenalkan dan menghayati tempat-tempat warisan dan bersejarah dalam bandar raya Johor Bahru kepada masyarakat terutamanya golongan muda dan pelancong di samping pendedahan dan penghayatan seni dan budaya kepada peserta dan merapatkan hubungan peserta sama ada persahabatan, kekeluargaan atau sesebuah organisasi di samping memupuk semangat kerjasama dalam berpasukan.

Juara bagi program ini berpeluang membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000 berserta barangan elektrik, manakala naib johan sebanyak RM 1,000 berserta barangan elektrik dan tempat ketiga sebanyak RM 500 berserta barangan elektrik.

Hadiah wang tunai sebanyak RM 200 berserta barangan elektrik juga diberikan kepada kumpulan yang menduduki tempat keempat hingga kesepuluh.

Manakala tempat ke-11 hingga ke-15, menerima hadiah barangan elektrik. Turut disediakan, Hadiah Khas Kumpulan Mengikut Aktiviti, yang dibahagikan kepada lima kategori, iaitu sebanyak RM 200 untuk setiap kategori.



INTERNATIONAL KOMPANG FEST

2 APRIL 2017 – Festival Kompang Antarabangsa atau lebih dikenali sebagai International Kompang Fest ini menyasarkan peserta dalam kategori terbuka dan kategori bagi pelajar sekolah. Pertandingan ini terbuka kepada semua peserta dari Malaysia, Singapura dan Indonesia yang berumur 13 hingga 30 tahun sahaja. Penyertaan adalah secara berkumpulan dan setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada 15 orang peserta yang berkebolehan bermain kompang.

Program ini yang telah mencapai tahun kedua penganjurannya ini bertujuan memperkembangkan dan memupuk bakat serta minat masyarakat melalui permainan alat muzik tradisional dan berkongsi pengetahuan dan idea serta pengalaman sesama pasukan di samping membina keyakinan dan keterampilan diri dalam berpasukan.

Antara hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah berupa wang tunai sehingga RM 5,000 berserta trofi dan sijil. Turut dipertandingkan adalah kategori pakaian terbaik, persembahan terbaik dan pasukan ceria.



BINTANG BANDARAYA

2 APRIL 2017 – Pertandingan mencari bakat nyanyian ini telah berlangsung pada 3,4 dan 5 Mac iaitu peringkat saringan di Padang B, Angsana Johor Bahru Mall. Peserta yang berjaya ke peringkat akhir pula bersaing di pentas nyanyian di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Pertandingan ini terbuka kepada semua masyarakat umum yang berbakat dalam bidang nyanyian. Seramai 50 orang peserta yang terpilih untuk mencuba nasib hingga ke peringkat saringan terakhir.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang nyanyian dalam kalangan masyarakat Johor Bahru. Selain itu, program ini bertujuan memartabatkan seni muzik Johor dengan meletakkannya sebagai syarat utama dalam penyertaan di samping mewujudkan daya saing yang lebih sihat dalam kalangan peserta.

Hadiah sehingga RM 3,000 berserta hamper dan sijil menanti peserta bertuah yang menjuarai pertandingan ini, manakala naib juara membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000 berserta hamper dan sijil, tempat ketiga berjumlah RM 1,000 berserta hamper dan sijil dan persembahan terbaik berjumlah RM 700 berserta hamper dan sijil. Manakala saguhati juga diperuntukkan untuk tempat keempat hingga kelapan dan memperoleh wang tunai berjumlah RM 300.00 berserta hamper dan sijil





MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien Dan Mesra
Kepada Pelanggan



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.
E-mel: info@mbjb.gov.my
No.Tel: 07-219 8000 Faksimile: 07-223 0619
Talian Bebas Tol: 1300-88-0146
WhatsApp Aduan: 019-778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536

